

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]

TARIKH : 16 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 96

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perihal FELDA yang masih dibelenggu masalah kewangan dan mengapakah modul perladangan dan perniagaan masih tertumpu kepada pengeluaran sawit sahaja dan apakah strategi Kementerian/FELDA untuk mengambil langkah baru untuk modul perniagaan perladangan yang sejajar dengan perkembangan sektor agro dan komoditi terkini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan perlunya diberi penjelasan mengenai isu yang dihadapi oleh FELDA serta pelan pemulihan bagi mengembalikan keyakinan rakyat dan memastikan kebajikan peneroka terus dibela. Kerajaan akan melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang ke arah kelestarian FELDA seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.

2. Beberapa penekanan baharu telah dikenal pasti antaranya menstruktur semula FELDA, memperkukuh aktiviti teras melalui pengenalan model baharu pengurusan ladang, memperkukuh kedudukan kewangan serta meningkatkan inisiatif berkaitan kebajikan dan kesejahteraan peneroka. Di samping itu, FELDA akan meningkatkan aktiviti nilai tambah tinggi serta meningkatkan sinergi di sepanjang rangkaian nilai melalui kerjasama strategik dengan agensi berkaitan perladangan dan pertanian dalam aktiviti yang berpotensi tinggi.

3. Berkaitan tanaman komoditi kelapa sawit, ia merupakan antara tanaman yang dapat menjamin pengeluaran hasil yang baik serta pendapatan kepada pekebun-pekebun kecil atau peneroka. Industri sawit telah berkembang pesat sejak awal kurun ke-20 dan telah menjadi komoditi pilihan di mana Malaysia adalah antara pelopor utama dunia dalam industri penanaman serta pengeluaran hasil-hasil dari kelapa sawit.

4. Model FELDA baharu akan diperkenalkan iaitu melalui sewaan tanah peneroka untuk satu tempoh jangka panjang yang munasabah. Model ini akan menyelesaikan isu demografi peneroka dan ketiadaan ekonomi bidangan (*economies of scale*). Pengenalan model baharu ini akan membolehkan tanah peneroka diusahakan secara cekap, berskala besar dengan ekonomi bidangan yang boleh mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti.

5. Melalui pelaksanaan model baharu ini, FELDA akan terus memberi fokus utama kepada aktiviti teras di sektor perladangan dan akan menjadi antara pengusaha tanah pertanian terbesar di Malaysia. Di samping itu, FELDA akan berupaya untuk meningkatkan inisiatif untuk menjana pendapatan baharu melalui diversifikasi tanaman dan mengenal pasti tanaman baharu yang sesuai dan berpotensi. Usaha ini turut meningkatkan pengeluaran makanan, menambah eksport dan mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

6. FELDA akan mengenal pasti program tanaman gantian dan ternakan yang mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat dan berpotensi untuk menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten. Antara tanaman gantian yang berpotensi ialah seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan kenaf yang akan mengurangkan kebergantungan kepada hasil kelapa sawit dan getah. Usaha ini akan dijalankan melalui kerjasama antara agensi kerajaan dan sektor swasta.

7. Usaha ini perlu dilaksana memandangkan industri kelapa sawit bergantung kepada pasaran dunia yang tidak menentu serta terdedah kepada pelbagai risiko seperti permintaan yang rendah daripada negara pengimport, sekatan dagangan daripada kebanyakan negara Eropah dan harga minyak sawit mentah (CPO) yang tidak stabil. Penanaman tanaman gantian ini juga dapat meringankan beban peneroka yang terkesan akibat kejatuhan harga komoditi.

Sekian, terima kasih.